

Metodologi Ibn Hajar Terhadap Riwayat Ibn Ishāq berkaitan *al-Maghāzī* dalam Kitab *Fath al-Bārī*

[Ibn Hajar's Methodology in Assessing Ibn Ishāq's Maghāzī Narrations in Fath al-Bārī]

Wan Muhd Usaid bin Wan Subki^{1*} & Muhamad Rozaimi Bin Ramle¹

¹ Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis.

* Corresponding author: Wan Muhd Usaid bin Wan Subki, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Islam Antarabangsa Tuanku Syed Sirajuddin, Arau, Perlis.

Kata Kunci:

Metodologi; Ibn Hajar; Ishāq; Sirah; al-Maghāzī

ABSTRACT

Terdapat kecenderungan sebahagian pengkaji-pengkaji moden untuk menolak riwayat Ibn Ishāq secara mutlak dengan alasan beliau perawi yang terlalu lemah. Namun, kecenderungan ini dilihat berbeza dengan pendirian ulama terdahulu yang menerima riwayat Ibn Ishāq apabila memenuhi syarat yang mereka gariskan. Antara ulama terdahulu yang menerima riwayat beliau dengan syarat ialah Ibn Hajar al-'Asqalānī. Beliau didapati banyak menukilkan riwayat Ibn Ishāq dalam kitabnya *Fath al-Bārī*. Justeru, kajian ini bertujuan untuk melihat metodologi Ibn Hajar ketika berinteraksi dengan riwayat Ibn Ishāq. Antara tujuan utama Ibn Hajar ketika membawakan riwayat Ibn Ishāq adalah bagi melengkapkan perincian kisah sirah sedia ada. Kajian ini akan menganalisis metodologi Ibn Hajar terhadap riwayat Ibn Ishāq berkaitan *al-Maghāzī* serta metodologi beliau dalam memperincikan kisah sirah. Kajian ini akan menggunakan metod kaedah induktif iaitu menganalisis data melalui penelitian dan pemerhatian terhadap fakta-fakta yang khusus untuk menggagaskan teori dan prinsip yang bersifat umum. Hasil kajian mendapati bahawa Ibn Hajar banyak menggunakan riwayat Ibn Ishāq bagi melengkapkan perincian kisah sirah seumpama tentang sebab berlakunya sesuatu peristiwa, nama-nama individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa dan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa. Riwayat Ibn Ishāq juga mempunyai perincian tentang bilangan yang terlibat di dalam sesuatu peristiwa, lokasi berlakunya sesuatu peristiwa, nama individu yang *mubham* iaitu individu yang tidak dinyatakan secara jelas dalam matan atau sanad, tempoh berlakunya sesuatu peristiwa serta doa. Justeru, jelas bahawa Ibn Ishāq mempunyai banyak perincian terhadap kisah sirah lalu dinukilkan oleh Ibn Hajar dalam kitabnya *Fath al-Bārī*.

Keywords:

Methodology; Ibn Hajar; Ibn Ishāq; Sirah; al-Maghāzī

ABSTRAK

There is a tendency among certain modern researchers to reject the reports of Ibn Ishāq entirely on the grounds that he is an excessively weak transmitter. However, this tendency differs from the position of the classical scholars, who accepted Ibn Ishāq's narrations provided they fulfilled the conditions they had established. Among the classical authorities who accepted his reports with conditions was Ibn Hajar al-'Asqalānī, who frequently cited Ibn Ishāq's narrations in his work *Fath al-Bārī*. Accordingly, this study aims to examine Ibn

*Hajar's methodology when engaging with the reports of Ibn Ishāq. One of Ibn Hajar's primary purposes in presenting Ibn Ishāq's narrations was to complete the details of existing sīrah accounts. This is because Ibn Ishāq often provides additional information that elaborates on particular events. This study analyses Ibn Hajar's methodological approach to Ibn Ishāq's narrations concerning al-Maghāzī, as well as his method of supplying detailed accounts of sīrah episodes. The study employs an inductive method, which involves analysing data through close examination and observation of specific facts to formulate broader theories and principles. The findings reveal that Ibn Hajar extensively utilised the narrations of Ibn Ishāq to complete details of sīrah narratives such as the causes of certain events, the names of individuals involved, and the dates of those events. Ibn Ishāq's reports also offer elaboration on the numbers of participants, the locations of events, the identification of ambiguous individuals, the duration of certain incidents, as well as related supplications. Thus, it is evident that Ibn Ishāq provides substantial detail regarding sīrah accounts, which Ibn Hajar subsequently incorporated into *Fath al-Bārī*.*

Received: November 23, 2025

Accepted: May 08, 2026

Online Published: June 31, 2026

1. Pendahuluan

Riwayat *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* tidak ditolak secara mutlak oleh ulama hadis. Sebaliknya, mereka menerima riwayat-riwayat ini dengan syarat yang telah digariskan oleh mereka (Akram Diyā' al-'Umarī, 1994). Ibn Ishāq adalah antara ahli *al-Maghāzī* yang terkemuka. Namun, para ulama silam dan pengkaji moden berbeza pandangan dalam menilai periwayatan serta menukulkan riwayat beliau. Ada yang menolak dan menerima riwayat beliau. Riwayat beliau juga ada dinukilkan oleh ahli hadis dalam kitab-kitab mereka. Antaranya adalah seperti yang terdapat dalam karya *Fath al-Bārī* oleh Ibn Hajar al-'Asqalānī. Beliau kerap memetik perincian dan riwayat daripada para ahli *al-Siyar* dan *al-Maghāzī* semisal Ibn Ishāq bagi melengkapkan gambaran terhadap aspek-aspek tertentu dalam sesuatu peristiwa atau kisah berkaitan sīrah. Melihat kepada kepelbagaian penilaian terhadap Ibn Ishāq serta penggunaan meluas riwayat beliau dalam *Fath al-Bārī*, satu kajian khusus terhadap nukilan-nukilan tersebut dilihat perlu dijalankan bagi menilai sejauh mana kedudukannya dalam karya berautoriti ini.

Kajian ini akan dimulakan dengan biografi dan kedudukan riwayat Ibn Ishāq di sisi ulama sebelum menganalisis aspek dan metodologi Ibn Hajar dalam menggunakan riwayat Ibn Ishāq bagi memperincikan kisah-kisah tersebut.

2. Biografi Ibn Ishāq

2.1. Nama, Kelahiran dan Keturunan

Nama beliau adalah Muḥammad bin Ishāq bin Yasār bin Khiyār al-Madanī. Menurut al-Dhahabī (1985), *kunyah* beliau adalah Abū 'Abd Allāh al-Qurashī al-Maṭlabī. Beliau dilahirkan pada tahun 80H atau 85H di Madīnah al-Munawwarah (al-Dhahabī, 1985). Menurut Mustafā al-Saqā, tahun 85H adalah tarikh kelahiran beliau yang paling tepat (Ibn Hishām, 1955).

2.2 Kembara Ilmu, Guru dan Murid Ibn Ishāq

Muḥammad bin Ishāq dilahirkan di Madīnah al-Munawwarah dalam keadaan yang sarat dengan perkembangan ilmu pada ketika itu. Beliau membesar dalam keadaan dan suasana keilmuan yang disebarkan di seluruh pelusuk dunia terutamanya di Masjid Nabawi. Suasana keilmuan ini banyak membentuk peribadi Ibn Ishāq, lebih-lebih lagi apabila ayah beliau iaitu Ishāq bin Yasār adalah merupakan seorang ilmuwan yang alim.

Ketika Ibn Ishāq masih muda, beliau mengembara ke Mesir untuk menuntut ilmu khususnya ke bandar Iskandariyyah. Beliau berjumpa dengan ramai alim ulama di sana serta banyak berguru dengan Yazīd bin Abī Ḥabīb. Setelah itu beliau kembali ke Madinah al-Munawwarah ('Abd al-Latīf, 2008).

Menurut 'Abd al-Latīf (2008), Ibn Ishāq sempat berjumpa dengan sebahagian para sahabat yang panjang umur mereka seperti Anas bin Mālik RA. Antara guru-guru Ibn Ishāq dari kalangan tabiin adalah seumpama al-Qāsim bin Muḥammad bin Abū Bakr al-Siddīq, Abān bin Uthmān bin Affān, Muḥammad bin Alī bin al-Husayn bin Alī bin Abī Ṭālib, Abū Salamah bin Abd al-Rahmān bin 'Awf, Nāfi' mawla 'Abd Allāh bin 'Umar bin al-Khaṭṭāb dan lain-lain. Antara murid-murid beliau pula adalah seumpama Yazīd bin Abī Ḥabīb, Yaḥyā bin Sa'īd al-Ansārī, Zuhayr bin Mu'āwiyah, Sufyān bin 'Uyaynah, Ziyād al-Bakkāī, Yūnus bin Bukayr dan lain-lain (Al-Dhahabī, 1985).

Ibn Ishāq hidup dan menetap di Madinah berpuluh tahun lamanya dan hanya keluar ke Mekah untuk menunaikan haji serta bermusafir sebentar ke Mesir. Selepas lama menetap di Madinah, beliau keluar bermusafir ke Irāq dan menghabiskan baki kehidupannya di Irāq sehinggalah beliau meninggal dunia pada tahun 151H ('Abd al-Latīf, 2008).

2.3 Karya dan Penulisan Ibn Ishāq

Terdapat beberapa karya yang dinisbahkan kepada Ibn Ishāq menurut Fu'ād Sizkīn (1991). Antara karya-karya tersebut adalah:

1. *Kitāb al-Maghāzī*

Menurut Fu'ād Sizkīn (1991), kitab ini terbahagi kepada tiga bahagian iaitu *al-Mubtada'*, *al-Mab'ath* dan *al-Maghāzī*. Bahagian *al-Mubtada'* mengandungi sejarah zaman Jahiliyyah manakala *al-Mab'ath* pula mengandungi kehidupan Nabi SAW di Mekah dan ketika berhijrah. Bahagian *al-Maghāzī* pula mengandungi fasa kehidupan Nabi SAW di Madinah (Ibn Hishām, 1955). Sebahagian besar yang masih wujud hari ini adalah merupakan riwayat daripada Yūnus bin Bukayr. Ibn Hishām telah menyaring dan menyemak semula kandungan kitab ini. Ibn Hishām (1955) telah menggugurkan kandungan-kandungan yang tidak ada kaitan dengan Nabi Muhammad SAW serta syair-syair dan kisah-kisah yang tidak diperlukan.

2. *Tārīkh al-Khulafā'*

Kitab ini ada disenaraikan oleh Ibn al-Nadīm (1997) dalam *al-Fihrist*. Ia dikatakan diriwayatkan oleh al-Umawī.

3. *Kitāb al-Futūḥ*

Kitab *al-Futūḥ* ini merupakan kitab yang menjadi sandaran utama oleh al-Wāqidī dalam beberapa karyanya.

4. *Akhbār Kulayb wa Jassās*

Dikatakan manuskripnya ada di perpustakaan Āli Sayyid 'Īsā al-Aṭṭār di Baghdād (Fu'ād Sizkīn, 1991).

2.4 Kewafatan Ibn Ishāq

Para ulama' berselisih pandangan dalam menentukan tarikh kewafatan beliau. Imam al-Dhahabī (1985) menukilkan beberapa pandangan iaitu tahun 150H, 151H, 152H, dan 153H. Menurut Ibn Khallikān (1971), pendapat yang paling tepat adalah beliau meninggal dunia di Baghdād pada tahun 151H. Beliau dikebumikan di perkuburan al-Khayzarān.

3. Kedudukan Ibn Ishāq di Sisi Ulama

Terdapat ramai para ulama' yang mengakui ketokohan dan keilmuan Ibn Ishāq terutamanya dalam bidang sejarah. Abū Zur'ah telah bertanya kepada Yaḥyā bin Ma'in: "Jika seseorang berkata bahawa Muḥammad bin Ishāq adalah seorang hujjah (iaitu perawi yang dijadikan sandaran hujjah), adakah dia benar?" Beliau menjawab: "Tidak, tetapi beliau adalah seorang yang *thiqah* (terpercaya)." (Al-Nūrī, 1992). Imam al-Shāfi'ī berkata: "Sesiapa yang ingin mempunyai pengetahuan yang luas tentang *al-Maghāzī*, maka dia mesti bergantung kepada Muḥammad bin

Ishāq.” ‘Āsim bin ‘Umar bin Qatādah berkata: “Ilmu akan tetap ada dalam kalangan manusia selama Muḥammad ibn Ishāq masih hidup.” (Al-Dhahabī, 1985).

Ibn Ishāq juga dikritik oleh ramai para ulama’ terutamanya mengenai kewibawaan beliau di dalam bidang hadis. Menurut Ibn ‘Adī (1997), antara yang lantang mengkritik beliau adalah Imam Mālik bin Anas yang apabila disebutkan tentang Ibn Ishāq beliau berkata: “Dajjal di antara dajjal-dajjal (*al-Dajjājilah*).” Al-Nasā’ī pula berkata: “*Laysa bi al-Qawiy* (riwayatnya tidak kuat)”. (Al-Dhahabī, 1963). Yaḥyā ibn Ma’in pula berkata: Ibn Ishāq adalah seorang yang *da’if*.” (Al-Dhahabī, 1985).

Pandangan ulama’ dilihat berbeza-beza dalam hal ini. Justeru, satu penanda aras yang jelas dalam menerima atau menolak riwayat daripada Ibn Ishāq mesti dibentuk. Menurut Ahmad Saifuddin Yusof (2012), Ibn Ishāq merupakan seorang tokoh yang boleh diterima periwatannya beliau secara umum namun ia haruslah diteliti terlebih dahulu dan disokong oleh riwayat yang lain serta beliau menggunakan lafaz *samā’* yang jelas. Ini dapat dilihat menerusi Imam al-Bukhārī yang menukulkan riwayat Ibn Ishāq secara *mu’allaq* dengan matan penuh, serta meletakkan riwayat beliau sebagai *mutāba’āt* kepada riwayat yang dinukulkan.

عَنْ أَبِي بَكْرَةَ، عَنِ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: "لَا يَدْخُلُ الْمَدِينَةَ رُغْبُ الْمَسِيحِ لَهَا يَوْمَئِذٍ سَبْعَةُ أَبْوَابٍ عَلَى كُلِّ بَابٍ مَلَكَانِ" قَالَ: وَقَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ، عَنْ صَالِحِ بْنِ إِبْرَاهِيمَ، عَنْ أَبِيهِ قَالَ: قَدِمْتُ الْبَصْرَةَ، فَقَالَ لِي أَبُو بَكْرَةَ: سَمِعْتُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ، يَحْتَدَا.

Daripada Abū Bakrah RA, daripada Nabi SAW, baginda bersabda: “Rasa takut terhadap al-Masīḥ (*al-Dajjāl*) tidak akan memasuki Madinah. Pada hari itu, Madinah mempunyai tujuh pintu, dan pada setiap pintu terdapat dua orang malaikat.” Ibn Ishāq berkata, daripada Sālih bin Ibrāhīm, daripada bapanya, beliau berkata: “Aku tiba di Basrah, lalu Abū Bakrah berkata kepadaku: ‘Aku mendengar Nabi SAW bersabda dengan hadis ini.’” (Al-Bukhārī, 2001).

Imam Muslim juga dilihat meletakkan riwayat Ibn Ishāq sebagai syawāhid pada beberapa tempat dalam *Ṣaḥīḥ Muslim*. Contohnya adalah seperti hadis yang menyebutkan tentang cincin emas. (Muslim, 1955). Ini bertepatan dengan apa yang disebutkan oleh Imam al-Dhahabī (1998). Beliau berkata: “Antara yang menjadi pegangan (para ulama) ialah Ibn Ishāq menjadi rujukan utama dalam bab *al-Maghāzī* dan peristiwa-peristiwa dalam sirah Nabi, walaupun beliau kadang-kadang menyelisihi (riwayat lain) dalam beberapa perkara. Beliau bukanlah hujah dalam soal halal dan haram... bahkan riwayat beliau digunakan sebagai sokongan.”

Hadis-hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Ishāq ada dimasukkan ke dalam *al-Kutub al-Sittah* dalam pelbagai bentuk berikutan *manhaj muḥaddithīn* yang berbeza dalam setiap karya mereka. Antara bentuk tersebut ialah riwayat yang disebut dengan sanad lengkap, diriwayatkan secara *mu’allaq* tanpa sanad lengkap, serta dijadikan sebagai *mutāba’āt* dan *shawāhid* bagi menyokong riwayat lain. Menurut Ahmad Saifuddin Yusof (2012), jumlah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Ishāq dalam *al-Kutub al-Sittah* mencecah 354 buah hadis. Manakala jumlah hadis yang diriwayatkan oleh Ibn Ishāq dalam kitab selain *al-Kutub al-Sittah* pula direkodkan sebanyak 1137 buah hadis.

4. Metodologi Ibn Ḥajar dalam Menolak dan Menerima Riwayat Ibn Ishāq

Berdasarkan analisis penulis, Ibn Ḥajar akan menerima dan menolak riwayat Ibn Ishāq berdasarkan beberapa perkara berikut:

4.1 Menolak pendapat Ibn Ishāq yang berpunca daripada andaian yang salah

Antara metodologi Ibn Ḥajar dalam menukulkan riwayat Ibn Ishāq adalah beliau akan menolak pendapat Ibn Ishāq yang berpunca daripada andaian yang salah. Ini dapat diperhatikan seperti contoh berikut berkaitan dengan jumlah bilangan sahabat yang terlibat dalam peperangan Ḥudaybiyyah.

Riwayat-riwayat yang menyebutkan bilangan sahabat yang menyertai peperangan Ḥudaybiyyah menyebutkan bilangan yang berbeza-beza.

عَنِ الْبَرَاءِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: كُنَّا يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ أَرْبَعِ عَشْرَةَ مِائَةً...

Daripada al-Barā' RA berkata: “ (Bilangan kami) ketika peristiwa Hūdaybiyyah adalah seramai 1400 orang...” (Al-Bukhārī, 2001).

عَنْ جَابِرِ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: "عَطِشَ النَّاسُ يَوْمَ الْحُدَيْبِيَّةِ... كُنَّا خَمْسِينَ عَشْرَةَ مِائَةً.

Daripada Jābir RA berkata: “Ketika peristiwa Hūdaybiyyah, orang ramai merasa dahaga...bilangan kami pada ketika itu adalah seramai 1500 orang.” (Al-Bukhārī, 2001).

عَنْ عَمْرِو بْنِ مُرَّةٍ: حَدَّثَنِي عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي أُوَيْسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا: كَانَ أَصْحَابُ الشَّجَرَةِ أَلْفًا وَثَلَاثِمِائَةً...

Daripada ‘Amr bin Murrah, Abdullah bin Aufa RA telah meriwayatkan bahawa: “Bilangan sahabat yang berbai’ah di bawah pokok adalah seramai 1300 orang...” (Al-Bukhārī, 2001).

Setelah Ibn Hajar menukilkan riwayat-riwayat dan pendapat ini, Ibn Hajar menukilkan tentang pendapat Ibn Ishāq. Ibn Hajar (2000) berkata:

وَأَمَّا قَوْلُ ابْنِ إِسْحَاقَ إِتْمَمَ كَانُوا سَبْعِمِائَةً فَلَمْ يُوَافَقْ عَلَيْهِ؛ لِأَنَّهُ قَالَهُ اسْتَبْطَأَ مِنْ قَوْلِ جَابِرٍ: نَحَرْنَا الْبَدَنَةَ عَنْ عَشْرَةٍ وَكَانُوا نَحَرُوا سَبْعِينَ بَدَنَةً وَهَذَا لَا يَدُلُّ عَلَى أَنَّهُمْ لَمْ يَنْحَرُوا غَيْرَ الْبُدْنِ، مَعَ أَنَّ بَعْضَهُمْ لَمْ يَكُنْ أَحْرَمَ أَصْلًا

“Adapun kata-kata Ibn Ishāq bahawa mereka berjumlah tujuh ratus orang, maka pendapat itu tidak dipersetujui. Ini kerana beliau mengatakannya berdasarkan andaian daripada kata-kata Jābir: "Kami menyembelih seekor unta bagi setiap sepuluh orang, dan mereka telah menyembelih tujuh puluh ekor unta." Namun, hal itu tidak semestinya menunjukkan bahawa mereka tidak menyembelih haiwan lain selain unta, di samping itu sebahagian daripada mereka sebenarnya tidak berihram pun sejak awal.”

Kata-kata Ibn Hajar ini menunjukkan bahawa beliau menolak pendapat dan riwayat Ibn Ishāq. Ini kerana Ibn Ishāq hanya membuat andaian daripada kata-kata Jābir RA semata-mata. Tambahan lagi, ia bercanggah dan jauh berbeza dengan riwayat-riwayat sahih yang disebutkan tadi. Justeru, ia jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar akan menolak pendapat Ibn Ishāq yang berpunca daripada andaian yang salah.

4.2 Mentarjīhkan pendapat Ibn Ishāq

Menurut pemerhatian penulis, Ibn Hajar juga didapati mentarjīhkan dan menerima riwayat Ibn Ishāq. Ini dapat dilihat melalui contoh berikut. Al-Bukhārī dalam penamaan bab Ghazwah al-Riqā' berkata:

بَابُ غَزْوَةِ ذَاتِ الرِّقَاعِ، وَهِيَ غَزْوَةُ مُحَارِبِ حَصَفَةَ مِنْ بَنِي ثَعْلَبَةَ مِنْ عَطْفَانَ

“Bab: Peperangan Dhāt al-Riqā’, iaitu peperangan melawan (kabilah) Muḥārib dan Khaṣfah daripada Banī Tha’labah, dari (suku) Ghaṭafān.” (Al-Bukhārī, 2001).

Ibn Hajar menyatakan bahawa penamaan bab seperti ini akan menunjukkan seolah-olah Tha’labah merupakan datuk kepada Muḥārib sedangkan ia bukan begitu. Ibn Hajar menyatakan bahawa apa yang tepat adalah menyatakan ia adalah ثعلبة وبنی ثعلبة dan bukannya من بني ثعلبة. Ibn Hajar (2000) berkata:

...وَالصَّوَابُ مَا وَقَعَ عِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ وَعَبْرِهِ وَبَنِي ثَعْلَبَةَ بِوَاوِ الْعَطْفِ ...

“...Apa yang betul adalah sebagaimana yang diriwayatkan oleh Ibn Ishāq dan selainnya, iaitu dengan menyebut “dan Bani Tha’labah” menggunakan huruf waw *al-‘ataf* (penyambung). ...”

Justeru contoh ini jelas membuktikan bahawa Ibn Hajar juga *mentarjih*kan pandangan dan riwayat Ibn Ishāq. Begitu juga berkenaan dengan tempoh Nabi SAW menetap di Madinah sebelum peperangan Khaybar. Ibn Hajar membawakan riwayat daripada Ibn ‘Abbās bahawa Nabi SAW menetap selama 10 hari dan riwayat daripada Sulaymān al-Taymī yang menyatakan bahawa Nabi SAW menetap selama 15 hari. Kemudian Ibn Hajar (2000) menukilkan riwayat Ibn Ishāq dengan berkata:

"...وَالرَّاجِحُ مِنْهَا مَا ذَكَرَهُ ابْنُ إِسْحَاقَ..."

"...Pendapat yang paling *rājih* daripada pendapat-pendapat tersebut adalah apa yang disebutkan oleh Ibn Ishāq..."

Pendapat Ibn Ishāq tersebut ada dinyatakan juga oleh Ibn Hajar (2000) sebelum itu iaitu Nabi SAW menetap di Madinah selama berbelas-belas hari pada bulan Zulhijjah kemudian bertolak ke Khaybar pada bulan Muharram.

Ibn Hajar juga dilihat menukilkan pendapat dari ulama' lain yang menyatakan bahawa mereka *mentarjih*kan riwayat Ibn Ishāq. Ibn Hajar (2000) berkata:

"...وَحَكَى ابْنُ التَّيْنِ، عَنِ الدَّأُوْدِيِّ أَنَّهُ رَجَّحَ مَا قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ مِنْ أَنَّ عَزْوَةَ بِنْتِ النَّضِيرِ كَانَتْ بَعْدَ بَغْرٍ مَعُونَةَ..."

"...Dan Ibn al-Tīn telah meriwayatkan daripada al-Dāwūdī bahawa beliau *mentarjih*kan apa yang dikatakan oleh Ibn Ishāq, iaitu Ghazwah Banī al-Naḍīr berlaku selepas peristiwa Bi'r Ma'ūnah..."

Contoh-contoh ini jelas menunjukkan bahawa antara metodologi Ibn Hajar terhadap Ibn Ishāq adalah beliau akan *mentarjih*kan pendapat-pendapat Ibn Ishāq. Pengkaji berpandangan bahawa justifikasi Ibn Hajar *mentarjih*kan riwayat Ibn Ishāq adalah kerana beliau dianggap sebagai antara tokoh terawal dan paling berautoriti dalam bidang *al-Maghāzī* dan *al-Siyar*, justeru riwayat beliau sering dijadikan sandaran khususnya dalam isu berkaitan kronologi peperangan dan peristiwa sirah Nabi SAW.

4.3 Menerima riwayat Ibn Ishāq jika ia merupakan sanad yang sahih atau *hasan*

Berdasarkan pengamatan penulis, Ibn Hajar turut menukilkan dan menerima riwayat Ibn Ishāq jika riwayat tersebut mempunyai sanad yang sahih. Ini dapat dilihat dengan jelas menerusi penjelasan Ibn Hajar mengenai individu yang telah membunuh Khubayb. Ibn Hajar menukilkan pandangan yang menyatakan bahawa individu yang membunuh Khubayb adalah 'Uqbah bin al-Hārith. Lalu Ibn Hajar (2000) membawakan riwayat Ibn Ishāq dan berkata:

وَذَكَرَ ابْنُ إِسْحَاقَ بِإِسْنَادٍ صَحِيحٍ عَنْ عُقْبَةَ بْنِ الْحَارِثِ قَالَ: مَا أَنَا قَتَلْتُ حُبَيْبًا؛ لِأَيِّ كُنْتُ أَصْغَرَ مِنْ ذَلِكَ

"Ibn Ishāq meriwayatkan dengan sanad yang sahih daripada 'Uqbah bin al-Hārith, bahawa beliau berkata: "Bukan aku yang membunuh Khubayb, kerana ketika itu aku masih terlalu kecil untuk berbuat demikian."

Begitu juga Ibn Hajar didapati menukilkan sanad yang sahih di tempat yang lain berkenaan keluarga Ja'far dalam peristiwa perang Mu'tah. Ibn Hajar (2000) berkata:

"وَوَقَعَ عِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ مِنْ وَجْهِ آخَرَ صَحِيحٍ عَنْ عَائِشَةَ..."

"Dan telah diriwayatkan oleh Ibn Ishāq melalui sanad lain yang sahih daripada 'Ā'ishah..."

Selain riwayat yang sahih, Ibn Hajar juga dikenalpasti menukilkan riwayat Ibn Ishāq yang dinilai *hasan* di sisi beliau. Ini dapat dilihat dalam jelas mengenai kisah pembunuhan Ka'b bin al-Ashraf, Ibn Hajar dilihat menukilkan riwayat Ibn Ishāq dan menyatakan bahawa sanadnya adalah *hasan*. Ibn Hajar (2000) berkata:

"وَعِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ عَنِ ابْنِ عَبَّاسٍ، أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مَشَى مَعَهُمْ إِلَى بَيْعِ الْعَرَقَةِ..."

“Dan menurut riwayat Ibn Ishāq dengan sanad yang *hasan* daripada Ibn ‘Abbās, bahawa Nabi SAW berjalan bersama mereka hingga ke *Baqī‘ al-Gharqad...*”

Selain itu, Ibn Hajar (2000) juga dilihat menukulkan sanad *hasan* berkenaan kisah para pemanah dalam peperangan Uhud serta kisah Nabi SAW memasuki Ka’bah dalam peristiwa *Fath Makkah*.

Berdasarkan beberapa riwayat ini, ia jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar akan menukulkan dan menerima riwayat Ibn Ishāq jika ia mempunyai sanad yang sahih atau *hasan*.

4.4 Menerima riwayat Ibn Ishāq sebagai sokongan

Ibn Hajar juga dilihat menjadikan riwayat Ibn Ishāq sebagai sokongan kepada riwayat yang lain. Contohnya seperti dalam peristiwa peperangan *Dhī Qarad*, Ibn Hajar membawakan riwayat Ibn Ishāq ketika cuba untuk menghimpunkan dan mengharmonikan antara riwayat. Beliau berkata:

"ويؤيده أن ابن إسحاق ذكر أن النبي صلى الله عليه وسلم أغزى إليها عبد الله بن رواحة قبل فتحها مرتين،"

“Perkara ini disokong oleh kenyataan bahawa Ibn Ishāq menyebut bahawa Nabi SAW pernah mengutus ‘Abd Allāh bin Rawāḥah ke Khaybar sebelum pembukaannya sebanyak dua kali...” (Ibn Hajar, 2000).

Tambahan lagi, Ibn Hajar juga menjadikan riwayat Ibn Ishāq sebagai sokongan dalam menentukan tarikh berlakunya peristiwa pelaksanaan haji yang diketuai oleh Abū Bakr RA. Ulama bersepakat ia adalah pada tahun 9H namun mereka terdapat percanggahan dalam menentukan bulan berlakunya peristiwa tersebut. Riwayat al-Bukhārī (2001) hanya menyatakan Nabi SAW mengutus Abū Bakr menunaikan haji sahaja tanpa menyatakan tarikh tertentu. Ada pendapat yang menyatakan bahawa ia berlaku pada bulan Zulkaedah dan ada pendapat yang menyatakan ia berlaku pada bulan Zulhijjah. Lalu Ibn Hajar (2000) berkata:

"ويؤيده أن ابن إسحاق صرح بأن النبي صلى الله عليه وسلم أقام بعد أن رجع من تبوك رمضان وشوالاً وذا القعدة ... فيكون حجه في ذي الحجة على هذا والله أعلم."

“Perkara ini disokong oleh kenyataan bahawa Ibn Ishāq menegaskan bahawa Nabi SAW tinggal selepas Baginda kembali dari Tabūk pada bulan Ramadan, Syawal dan Zulkaedah ... maka haji tersebut berlaku pada bulan Zulhijjah berdasarkan hal ini. Wallahu a‘lam.”

Maka ia jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar menjadikan riwayat Ibn Ishāq sebagai sokongan kepada riwayat-riwayat tertentu dalam kitab beliau.

5. Metodologi Ibn Hajar Menggunakan Riwayat Ibn Ishāq untuk Memperincikan Kisah Sirah

Dalam kitab *Fath al-Bārī*, Ibn Hajar didapati banyak menukulkan riwayat Ibn Ishāq. Ibn Hajar mempunyai pelbagai tujuan dan objektif ketika menukulkan riwayat Ibn Ishāq ini. Berpandukan analisis yang dijalankan ke atas teks Ibn Hajar di dalam *Fath al-Bārī*, didapati antara tujuan dan objektif tersebut adalah bagi memperincikan kisah-kisah sirah yang disebutkan oleh Ibn Hajar.

Jika diperhatikan dalam *Fath al-Bārī*, dapat dilihat bahawa Ibn Hajar banyak menukulkan riwayat ahli *al-Maghāzī*, khususnya Ibn Ishāq, bagi melengkapkan perincian kisah-kisah yang terdapat dalam *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Seperti yang diketahui, riwayat sahih berkaitan *al-Maghāzī* dan *al-Siyar* kebanyakannya dimasukkan dalam kitab-kitab hadis. Namun, para pengarang kitab hadis tidak memperlihatkan gambaran yang menyeluruh tentang sesuatu peristiwa, kerana tumpuan utama mereka ialah mengeluarkan hukum-hakam daripadanya.

Berdasarkan penelitian penulis, Ibn Hajar didapati menggunakan riwayat Ibn Ishāq bagi memperincikan sesuatu kisah. Setelah diteliti, perincian yang dibawakan oleh Ibn Hajar ini merangkumi beberapa aspek utama.

Penulis akan menyenaraikan aspek-aspek tersebut, diikuti dengan contoh-contoh riwayat Ibn Ishāq yang dinukilkan oleh Ibn Hajar dalam setiap aspek berkenaan. Penulis juga akan menyertakan hadis asal daripada *Fath al-Bārī* agar perincian yang dimaksudkan dapat difahami dengan lebih jelas. Seterusnya, penulis akan menghuraikan beberapa metodologi Ibn Hajar dalam menerima dan menolak riwayat Ibn Ishāq.

5.1 Menukilkan pendapat Ibn Ishāq tentang sebab berlakunya sesuatu peristiwa

Contohnya adalah seperti dalam peristiwa peperangan Badar.

"عَنْ أَبِي إِسْحَاقَ: «كُنْتُ إِلَى جَنْبِ زَيْدِ بْنِ أَرْقَمَ، فَقِيلَ لَهُ: كَمْ عَزَا النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ مِنْ عَزْوَةٍ؟ ... قُلْتُ: فَأَيُّهُمْ كَانَتْ أَوْلَى؟ قَالَ: الْعُسَيْرَةُ أَوْ الْعُشَيْرَةُ،» فَذَكَرْتُ لِقَتَادَةَ فَقَالَ: الْعُشَيْرَةُ."

"Daripada Abī Ishāq: "Aku berada di sisi Zayd ibn Arqam, lalu ditanyakan kepadanya: 'Berapa banyak peperangan yang Nabi SAW telah sertai?' ... Aku bertanya: 'Jadi, yang manakah yang pertama sekali?' Beliau menjawab: 'Al-'Usayrah atau al-'Ushayr.' Lalu aku menyebutkannya kepada Qatādah, maka beliau berkata: 'Al-'Ushayr.'" (Al-Bukhārī, 2001).

Peperangan al-'Usayrah atau al-'Ushayr berlaku sebelum peperangan Badar. Namun di dalam hadis ini tidak dijelaskan apakah sebab peperangan Badar berlaku. Justeru Ibn Hajar menukilkan riwayat Ibn Ishāq bagi menjelaskan perkara tersebut. Ibn Hajar (2000) berkata:

"... قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: فَإِنَّ السَّبَبَ فِي عَزْوَةِ بَدْرٍ مَا حَدَّثَنِي يَزِيدُ بْنُ رُوْمَانَ، عَنْ عُرْوَةَ، أَنَّ أَبَا سُوْفْيَانَ كَانَ بِالشَّامِ فِي ثَلَاثِينَ رَاكِبًا مِنْهُمْ مُحْرَمَةٌ بِنُ نَوْفَلٍ، وَعَمَرُو بِنُ الْعَاصِ، فَأَقْبَلُوا فِي قَافِلَةٍ عَظِيمَةٍ فِيهَا أَمْوَالٌ قُرَيْشٍ، فَندَبَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَيْهِمْ..."

"Ibn Ishāq berkata: Sesungguhnya sebab terjadinya Perang Badar adalah sebagaimana diriwayatkan oleh Yazīd bin Rūmān daripada 'Urwah, bahawa Abū Sufyān ketika itu berada di wilayah Syam bersama tiga puluh orang penunggang, antaranya Makhramah bin Nawfal dan 'Amr bin al-'Āṣ. Mereka kembali dengan sebuah kafilah dagang yang besar yang membawa harta kekayaan milik kaum Quraysh. Lantaran itu, Nabi Muhammad SAW mengajak para sahabat baginda untuk menghalang kafilah tersebut."

Riwayat Ibn Ishāq di atas jelas menunjukkan sebab berlakunya peperangan Badar. Begitu juga ketika menghuraikan peristiwa *Sariyyah* 'Alqamah bin Mujazziz al-Mudlijiy, Ibn Hajar menukilkan riwayat daripada Ibn Ishāq bagi menyatakan sebab berlakunya peristiwa tersebut.

"عَنْ عَلِيِّ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: بَعَثَ النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ سَرِيَّةً فَاسْتَعْمَلَ رَجُلًا مِنَ الْأَنْصَارِ، وَأَمَرَهُمْ أَنْ يُطِيعُوهُ..."

Daripada 'Alī RA beliau berkata: "Nabi SAW telah mengutus satu pasukan kecil (sariyyah), lalu melantik seorang lelaki daripada kalangan Ansar sebagai ketua, dan Baginda memerintahkan mereka supaya taat kepadanya..." (Al-Bukhārī, 2001).

Dalam hadis ini tidak dinyatakan sebab berlakunya *Sariyyah* 'Alqamah bin Mujazziz. Justeru Ibn Hajar membawakan riwayat Ibn Ishāq bagi melengkapkan perincian tersebut. Ibn Hajar (2000) berkata:

"وَذَكَرَ ابْنُ إِسْحَاقَ أَنَّ سَبَبَ هَذِهِ الْقِصَّةِ أَنَّ وَقَّاصَ بْنَ مُجَزِّزٍ كَانَ قَتِيلَ يَوْمِ ذِي قَرْدٍ، فَأَرَادَ عَلَقَمَةُ بْنُ مُجَزِّزٍ أَنْ يَأْخُذَ بِثَأْرِهِ فَأَرْسَلَهُ رَسُولُ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي هَذِهِ السَّرِيَّةِ..."

“Ibn Ishāq menyebut bahawa sebab kisah ini ialah kerana Waqqāṣ bin Mujazziz telah terbunuh pada hari Dhī Qarad. Maka ‘Alqamah bin Mujazziz ingin menuntut balas untuknya, lalu Rasulullah SAW mengutusnyanya dalam *sariyyah* ini...”

Riwayat Ibn Ishāq ini turut disokong oleh al-Suhaylī (2000). Nukilan Ibn Hajar ini menunjukkan bahawa beliau menerima riwayat Ibn Ishāq dalam memperincikan riwayat al-Bukhārī.

5.2 Menukilkan perincian Ibn Ishāq tentang nama-nama individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa

Contohnya adalah seperti dalam peristiwa Uhud. Dalam *Sahih al-Bukhārī*, diriwayatkan daripada Anas RA bahawa:

أَنَّه قُتِلَ مِنْهُمْ يَوْمَ أُحُدٍ سَبْعُونَ

“...70 orang telah terbunuh dari kalangan mereka dalam peperangan Uhud...” (Al-Bukhārī, 2001).

Kemudian Ibn Hajar menukilkan kata-kata Ibn Ishāq berkenaan nama-nama yang terlibat dalam peperangan tersebut. Beliau berkata:

وَقَدْ سَرَدَ ابْنُ إِسْحَاقَ أَسْمَاءَ مَنْ اسْتُشْهِدَ مِنَ الْمُسْلِمِينَ بِأُحُدٍ فَبَلَّغُوا خَمْسَةَ وَسِتِّينَ، مِنْهُمْ أَرْبَعَةٌ مِنَ الْمُهَاجِرِينَ: حَمْرَةُ، وَعَبْدُ اللَّهِ بْنُ جَحْشٍ، وَشَمَّاسُ بْنُ عَثْمَانَ، وَمُصْعَبُ بْنُ عَمِيرٍ

“Ibn Ishāq telah menyenaraikan nama-nama para Muslimin yang gugur sebagai syahid dalam peperangan Uhud, dan jumlah mereka mencapai enam puluh lima orang. Antara mereka terdapat empat orang daripada golongan Muhajirin, iaitu: Hāmzah, ‘Abd Allāh ibn Jaḥsh, Shammās ibn ‘Uthmān, dan Muṣ‘ab ibn ‘Umayr...” (Ibn Hajar, 2000).

Riwayat Ibn Ishāq ini juga turut dinukilkan oleh Ibn Kathīr (1997). Ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar menerima riwayat Ibn Ishāq dalam memperincikan nama-nama individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa.

5.3 Menukilkan perincian Ibn Ishāq tentang tarikh berlakunya sesuatu peristiwa

Contohnya adalah tentang tarikh berlakunya peperangan Uhud. Ibn Hajar (2000) didapati menukilkan riwayat Ibn Ishāq berkenaan perincian tarikh peperangan Uhud berlaku. Beliau berkata:

"قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: كَانَ أُحُدٌ يَوْمَ السَّبْتِ لِلْبَيْتِ مِنْ شَوَّالٍ، فَلَمَّا كَانَ الْعُدُ يَوْمَ الْأَحَدِ سَادِسَ عَشَرَ شَوَّالٍ أَذَّنَ مُؤَدِّنُ رَسُولِ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ فِي النَّاسِ بِطَلَبِ الْعُدُوِّ..."

“Ibn Ishāq berkata: Peperangan Uhud berlaku pada hari Sabtu, pertengahan bulan Syawal. Pada keesokan harinya, iaitu hari Ahad, 16 Syawal, *muazin* Rasulullah SAW menyeru orang ramai supaya keluar mengejar musuh.” (Ibn Hishām, 1955).

Begitu juga Ibn Hajar dilihat menukilkan riwayat Ibn Ishāq ketika menghuraikan tarikh berlakunya peperangan Uhud. Ibn Hajar (2000) berkata:

"قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: لِأَحَدَى عَشْرَةَ لَيْلَةً خَلَّتْ مِنْهُ..."

“Ibn Ishāq berkata: (Peperangan Uhud berlaku) pada 11 hari yang telah berlalu (daripada bulan Syawal tahun 3H)...”

Pendapat ini turut dinukilkan oleh Ibn Sayyid al-Nās (1993). Antara contoh lain adalah Ibn Hajar mengambil riwayat Ibn Ishāq dalam menghuraikan tarikh berlakunya Ghazwah al-Rajī’. Beliau berkata:

"وَقَدْ فَصَلَ بَيْنَهُمَا ابْنُ إِسْحَاقَ، فَذَكَرَ غَزْوَةَ الرَّجِيعِ فِي أَوَّلِ سَنَةِ ثَلَاثِ، وَبُئِرَ مَعُونَةَ فِي أَوَّلِ سَنَةِ أَرْبَعٍ..."

“Dan Ibn Ishāq telah memisahkan antara keduanya; beliau menyebut bahawa peristiwa Ghazwah al-Rajī’ berlaku pada penghujung tahun ketiga, manakala peristiwa Bi’r Ma’ūnah berlaku pada awal tahun keempat.” (Ibn Hajar, 2000).

Tambahan lagi, Ibn Hajar (2000) juga didapati menukulkan riwayat Ibn Ishāq dalam menyatakan tarikh berlakunya peperangan Khandaq. Kata beliau:

"...وَقَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: كَانَتْ فِي شَوَّالِ سَنَةِ حَمْسٍ..."

“...Ibn Ishāq berkata: Ia (peperangan Khandaq) berlaku pada bulan Syawal tahun kelima hijrah...”

Malahan riwayat Ibn Ishāq juga didapati dinukilkan oleh Ibn Hajar berkenaan tarikh berlakunya peperangan Dhī Qarad. Beliau berkata:

"وَعَنِ ابْنِ إِسْحَاقَ: فِي شَعْبَانَ مِنْهَا..."

“Daripada Ibn Ishāq: Ia berlaku pada bulan Sya’bān tahun tersebut.” (Ibn Hajar, 2000).

Justeru, riwayat-riwayat yang dinyatakan ini jelas menunjukkan bahawa Ibn Hajar menukulkan riwayat-riwayat Ibn Ishāq dalam memperincikan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa.

5.4 Menukulkan perincian Ibn Ishāq berkaitan doa

Ibn Hajar juga didapati menukulkan daripada Ibn Ishāq riwayat yang berkaitan dengan doa. Doa tersebut merupakan doa Nabi SAW memohon pertolongan dan kemenangan daripada Allah SWT ketika berhadapan dengan tentera Quraysh dalam Peperangan Badar. Ibn Hajar (2000) berkata:

وَعِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ أَنَّهُ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ: اللَّهُمَّ هَذِهِ فُرَيْشٌ قَدْ أَتَتْ بِحِيَلِهَا وَفَخَرَهَا بِجَادِلٍ وَتُكَدِّبُ رَسُولَكَ اللَّهُمَّ
 فَنَصْرِكَ الَّذِي وَعَدْتَنِي

“Di sisi Ibn Ishāq bahawa baginda SAW bersabda: “Ya Allah, sesungguhnya kaum Quraysh ini telah datang dengan penuh kesombongan dan penuh takabbur berdebat dan mendustakan rasul-Mu. Ya Allah, kurniakanlah kemenangan yang Engkau telah janjikan kepadaku.” (Ibn Hishām, 1955). Ini menunjukkan Ibn Hajar menukulkan dan menerima riwayat daripada Ibn Ishāq apa yang berkaitan dengan doa. Doa ini turut dinukilkan oleh al-Suhaylī (2000).

5.5 Menukulkan perincian Ibn Ishāq berkaitan bilangan yang terlibat di dalam sesuatu peristiwa

Selain itu, Ibn Hajar juga didapati menukulkan perincian Ibn Ishāq mengenai bilangan yang terlibat di dalam sesuatu peristiwa. Contohnya adalah seperti bilangan sahabat yang dihantar oleh Nabi SAW dalam *Sariyyah al-Rajī’*. Ibn Ishāq menyatakan jumlah mereka adalah enam orang dan menyenaraikan nama-nama mereka. Ibn Hajar (2000) berkata:

"...وَذَكَرَ ابْنُ إِسْحَاقَ أَنَّهُمْ كَانُوا سِتَّةً وَسَمَاءَهُمْ،"

“...Lalu Ibn Ishāq menyatakan bahawa jumlah mereka adalah seramai enam orang dan menyebutkan nama-nama mereka...”

Antara nama-nama yang disebutkan oleh Ibn Ishāq adalah ‘Āṣim bin Thābit, Marthad bin Abī Marthad, Khubayb bin Adī serta Zayd bin al-Dathinah. Begitu juga Ibn Hajar dilihat menukulkan riwayat Ibn Ishāq mengenai bilangan penyerang dalam peperangan Banī Qurayzah. Beliau berkata:

"فَعِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ أَنَّهُمْ كَانُوا سِتِّمِائَةً..."

“Ibn Ishāq berpendapat bilangan mereka (iaitu penyerang dalam peperangan Banī Qurayzah) adalah seramai 600 orang.” (Ibn Hajar, 2000).

Tambahan lagi, Ibn Hajar juga dilihat menukilkan riwayat Ibn Ishāq berkenaan jumlah rombongan Abū Mūsā al-‘Ash’arī yang keluar menuju kepada Nabi SAW dalam peperangan Khaybar. Ibn Hajar (2000) berkata:

“...وَأَمَّا ابْنُ إِسْحَاقَ فَقَالَ: كَانُوا سِتَّةَ عَشَرَ رَجُلًا...”

“...Ibn Ishāq berkata: Jumlah mereka adalah seramai 16 orang...”

Jelas daripada contoh-contoh yang disebutkan di atas bahawa Ibn Hajar banyak menukilkan daripada Ibn Ishāq berkenaan bilangan yang terlibat dalam sesuatu peristiwa.

5.6 Menukilkan perincian Ibn Ishāq berkaitan lokasi berlakunya sesuatu peristiwa

Ibn Hajar juga menukilkan riwayat Ibn Ishāq ketika menjelaskan lokasi sesuatu peristiwa. Contohnya adalah seperti ketika beliau menjelaskan lokasi berlakunya peperangan Mu’tah. Ini kerana hadis yang sahih tidak menjelaskan secara terperinci di manakah lokasi tersebut secara spesifik. Imam al-Bukhārī berkata:

“بَابُ غَزْوَةِ مُؤْتَةَ مِنْ أَرْضِ الشَّامِ”

“Bab Peperangan Mu’tah yang berlaku di bumi Syam” (Al-Bukhārī, 2001).

Imam al-Bukhārī tidak menyebutkan secara spesifik di manakah lokasi ia berlaku. Justeru Ibn Hajar membawakan riwayat Ibn Ishāq bahawa ia berlaku berdekatan dengan al-Balqā’. Ibn Hajar (2000) berkata:

“قَالَ ابْنُ إِسْحَاقَ: هِيَ بِالْقُرْبِ مِنَ الْبَلْقَاءِ...”

“Ibn Ishāq berkata: Ia terletak berdekatan dengan al-Balqā’...”

Pendapat Ibn Ishāq ini turut dipersetujui oleh al-Suyūfī (1998). Ini jelas menunjukkan Ibn Hajar turut membawakan riwayat Ibn Ishāq ketika menghuraikan tentang lokasi sesuatu peristiwa.

5.7 Menukilkan perincian Ibn Ishāq berkaitan nama individu yang mubham

Nama *mubham* bermaksud sesuatu identiti yang tidak disebutkan namanya secara jelas. Kadangkala hadis yang sahih ataupun *hasan* mengandungi individu-individu yang tidak disebutkan namanya. Justeru riwayat ahli *al-Siyar* dan *al-Maghāzī* diperlukan untuk menjelaskan nama yang *mubham* tersebut (Ramle, 2014). Riwayat-riwayat Ibn Ishāq turut mengandungi perincian berkenaan nama individu yang *mubham* dalam sesuatu peristiwa. Justeru Ibn Hajar turut menukilkan perincian ini daripada Ibn Ishāq. Dalam kitab *Fath al-Bārī*, Ibn Hajar ada menukilkan satu hadis yang diriwayatkan oleh Sahl bin al-Hanzaliyyah. Ibn Hajar (2000) berkata:

“وَلِأَبِي دَاوُدَ بِإِسْنَادٍ حَسَنٍ مِنْ حَدِيثِ سَهْلِ ابْنِ الْحُنَظَلِيِّ أَنَّهُمْ سَارُوا مَعَ النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ إِلَى حُنَيْنٍ فَأَطْنَبُوا السَّيْرَ، فَجَاءَ رَجُلٌ فَقَالَ: إِنِّي أَنْطَلَقْتُ مِنْ بَيْنِ أَيْدِيكُمْ حَتَّى طَلَعْتُ جَبَلًا كَذَا وَكَذَا...”

“Dalam Sunan Abī Dāwūd dengan sanad yang *hasan* daripada hadis Sahl bin al-Hanzaliyyah bahawa mereka telah berangkat bersama Nabi SAW menuju Hunayn, lalu mereka memperpanjang perjalanan. Maka datang seorang lelaki seraya berkata: Sesungguhnya aku telah berangkat mendahului kalian sehingga aku mendaki sebuah bukit begini dan begini...” (Abū Dawūd, 2009).

Dalam hadis ini tidak dijelaskan identiti lelaki tersebut. Lalu Ibn Hajar membawakan riwayat Ibn Ishāq bagi menjelaskan identiti lelaki tersebut. Ibn Hajar (2000) berkata:

"...وَعِنْدَ ابْنِ إِسْحَاقَ مِنْ حَدِيثِ جَابِرٍ مَا يُدُلُّ عَلَى أَنَّ هَذَا الرَّجُلَ هُوَ عَبْدُ اللَّهِ بْنُ أَبِي حَدْرَةَ الْأَسْلَمِيِّ..."

"...Riwayat Ibn Ishāq daripada hadis Jābir yang menunjukkan bahawa lelaki tersebut adalah 'Abd Allāh bin Abī Ḥadrad al-Aslamī..."

Ini juga jelas menunjukkan bahawa Ibn Ḥajar menukikan perincian Ibn Ishāq berkaitan nama individu yang *mubham*.

5.8 Menukikan perincian Ibn Ishāq berkaitan tempoh berlakunya sesuatu peristiwa

Kadang-kadang hadis sahih tidak memberikan perincian tentang tempoh berlakunya sesuatu peristiwa. Justeru seseorang pengkaji memerlukan riwayat-riwayat ahli *al-Maghāzī* untuk mendapatkan maklumat terperinci mengenai sesuatu peristiwa. Ibn Ḥajar adalah salah seorang tokoh yang menggunakan metodologi ini dengan mengambil pendapat Ibn Ishāq bagi mendapatkan perincian tersebut. Ibn Ḥajar turut menukikan daripada Ibn Ishāq berkenaan tempoh berlakunya sesuatu peristiwa. Contohnya adalah berkenaan tempoh pengepungan ke atas Khaybar.

عَنْ أَنَسٍ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُ قَالَ: «صَلَّى النَّبِيُّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ الصُّبْحَ قَرِيبًا مِنْ حَيْبَرَ بَعْلَسَ، ثُمَّ قَالَ: اللَّهُ أَكْبَرُ، خَرِبَتْ حَيْبَرُ،

"Nabi SAW menunaikan solat Subuh berhampiran Khaybar ketika masih gelap, kemudian Baginda bersabda: 'Allahu Akbar, hancurlah Khaybar...' (Al-Bukhārī, 2001).

Di dalam hadis ini tidak diceritakan tempoh pengepungan ke atas Khaybar. Justeru Ibn Ḥajar menukikan perincian tersebut daripada Ibn Ishāq. Beliau berkata:

"فَقَدْ ذَكَرَ ابْنُ إِسْحَاقَ أَنَّ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ أَقَامَ عَلَى مُحَاصِرَتِهِمْ بَضْعَ عَشْرَةَ لَيْلَةً..."

"Ibn Ishāq telah menyebutkan bahawa Nabi SAW melakukan pengepungan ke atas mereka selama berbelas-belas hari..." (Ibn Ḥajar, 2000).

Maka jelas di sini bahawa Ibn Ḥajar mengambil perincian maklumat tentang tempoh sesuatu peristiwa itu berlaku daripada riwayat-riwayat Ibn Ishāq.

6. Kesimpulan

Sebagai kesimpulan, penulis ingin menyimpulkan dapatan kajian yang berjaya dikenalpasti mengenai metodologi Ibn Ḥajar dalam berinteraksi dengan riwayat Ibn Ishāq:

- Ulama silam berselisih pandangan tentang kedudukan Ibn Ishāq dan riwayatnya. Pandangan yang tepat dalam berinteraksi dengan pandangan Ibn Ishāq adalah riwayat beliau diterima secara umum namun ia haruslah diteliti terlebih dahulu dan disokong oleh riwayat yang lain serta beliau menggunakan lafaz *samā'* yang jelas.
- Ibn Ḥajar mempunyai pandangan yang serupa dengan majoriti ulama hadis dalam penerimaan riwayat Ibn Ishāq iaitu menerima riwayat Ibn Ishāq dengan syarat. Perincian-perincian terhadap riwayat sirah daripada Ibn Ishāq diterima oleh Ibn Ḥajar selagi mana ia tidak bercanggah dengan hadis yang sahih mahupun bercanggah dengan akidah dan juga hukum hakam syarak.
- Kajian ini turut membuktikan bahawa sikap sebahagian pengkaji yang menolak riwayat beliau secara keseluruhan bertentangan dengan metodologi ulama hadis terdahulu.
-

- e. Kajian menunjukkan bahawa Ibn Hajar secara jelas menggunakan riwayat Ibn Ishāq bagi melengkapkan perincian bagi sesuatu kisah. Ia adalah sama ada ia perincian tentang sebab berlakunya sesuatu peristiwa, nama-nama individu yang terlibat dalam sesuatu peristiwa dan tarikh berlakunya sesuatu peristiwa. Riwayat Ibn Ishāq juga mempunyai perincian tentang bilangan yang terlibat di dalam sesuatu peristiwa, lokasi berlakunya sesuatu peristiwa, nama individu yang *mubham*, tempoh berlakunya sesuatu peristiwa serta doa.

Oleh itu, dapat difahami bahawa salah satu metodologi para ulama silam dalam menerima dan menggunakan riwayat para ahli sejarah, khususnya dalam memperincikan kisah sirah adalah dengan syarat ia tidak bercanggah dengan riwayat yang lebih sahih serta akidah dan hukum syarak.

Rujukan:

- ‘Abd al-Shāfi Muḥammad ‘Abd al-Laṭīf. (2008). *Buḥūth fi al-Sīrah al-Nabawīyyah wa al-Tārīkh al-Islāmī: Qirāah wa Ru’yah Jadīdah*. Qāhirah: Dār al-Salām
- Abū Dāwūd, Sulaymān al-Asy’ath. (2009). *Sunan Abī Dāwūd*. (Syu’aib al-Arnāūt, Muḥammad Kāmil Qurah Balali, Ed.). Beirut: Dār al-Risālah al-‘Ilmiyyah.
- Akram Diyā’ al-‘Umarī. (1994). *al-Sīrah al-Nabawīyyah al-Ṣaḥīḥah*. Madīnah al-Munawwarah: Maktabah al-‘Ulūm wa al-Ḥikam
- Al-Bukhārī. (2001). *Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Būlāq Miṣr al-Maḥmiyyah: Maṭba’ah al-Kubrā al-Amīriyyah.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. (1963). *Mizān al-‘Itidāl*. (‘Alī Muḥammad al-Bajāwī, Ed.) Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. (1985). *Siyar A’lām al-Nubalā’*. Beirut: Muassasah al-Risālah.
- Al-Dhahabī, Shams al-Dīn. (1998). *Tadhkirat al-Huffāz*. Beirut: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Al-Suhaylī, Abū al-Qāsim ‘Abd al-Rahmān bin ‘Abd Allāh bin Ahmad. (2000). *Al-Rawḍ al-Unfī Sharḥ al-Sīrah al-Nabawīyyah li Ibn Hishām*. (‘Umar ‘Abd al-Salām al-Salamī, Ed.). Bayrūt: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Al-Suyūṭī, Jalāl al-Dīn. (1998). *Al-Tawshīḥ Sharḥ al-Jāmi’ al-Ṣaḥīḥ*. (Riḍwān Jāmī’ Riḍwān, Ed). Riyāḍ: Maktabah al-Rushd.
- Fu’ād Sīzkīn. (1991). *Tārīkh al-Turāth al-‘Arabī – al-‘Ulūm al-Shar’iyyah*. (‘Arfaḥ Muṣṭafā, Sa’īd ‘Abd al-Raḥīm, Eds.) Jāmi’ah al-Imām Muḥammad bin Su’ūd al-Islāmiyyah
- Ibn ‘Adī. (1997). *Al-Kāmil fi Du’afā’ al-Rijāl*. (‘Ādil Aḥmad ‘Abd al-Mawjūd, ‘Alī Muḥammad Mi’wad, Eds.). Beirut: Al-Kutub al-‘Ilmiyyah
- Ibn al-Nadīm. (1997). *al-Fihrist*. (Ibrāhīm Ramadān. Ed.) Beirut: Dār al-Ma’rifah
- Ibn Hajar al-‘Asqalānī. (2000). *Fath al-Bārī Sharḥ Ṣaḥīḥ al-Bukhārī*. Riyāḍ: Dār al-Salām. Dimashq: Dār al-Fayḥā’.
- Ibn Hishām. (1955). *Al-Sīrah al-Nabawīyyah li Ibn Hishām*. (Muṣṭafā al-Saqā, Ibrāhīm al-Abyarī, Abd al-Hafīz al-Syalabī, Ed.). Mesir: Syarikah Maktabah wa Maṭba’ah Muṣṭafā al-Bābī al-Ḥalabī.
- Ibn Kathīr, Ismā’īl bin ‘Umar. (1997). *Al-Bidāyah wa al-Nihāyah* (‘Abd Allāh bin ‘Abd al-Muḥsin al-Turki, Ed.). Qāhirah: Dār Hajar li al-Tiba’ah wa al-Nasyr wa al-Tauzī’ wa al-‘Ilān.
- Ibn Khallikān, Shams al-Dīn. (1971). *Wafayāt al-A’yān wa Anbā’ Abnā’ al-Zamān*. (Ihsān ‘Abbās, Ed.). Bayrūt: Dār Ṣādir
- Ibn Sayyid al-Nās. (1993). *‘Uyūn al-Athar fi Funūn al-Maghāzī wa al-Shamāil wa al-Siyar*. Bayrūt: Dār Al-Qalam.
- Muhamad Rozaimi Ramle. (2014). *al-Manhaj al-Naqdī li Riwāyat al-Maghāzī wa al-Siyar ‘inda Ibn Qayyim al-Jawziyyah: Dirāsah Taḥqiqiyyah ‘ala Kitāb Zād al-Ma’ād fi Hadyi Khayr al-‘Ibād*. Jordan: Universiti of Jordan
- Muslim. (1955). *Al-Musnad al-Ṣaḥīḥ al-Mukhtaṣar bi Naql al-‘Adl ‘an al-‘Adl ilā Rasūl Allāh SAW = Ṣaḥīḥ Muslim*. (Muḥammad Fuād ‘Abd al-Bāqī, Ed.) Beirut: Dār Iḥyā’ al-Turāth al-‘Arabī.
- Saifuddin Yusof. (2012) *Metodologi Penerimaan Riwayat Sejarah Antara al-Bukhārī dan Ibn Ishāq Kajian Perbandingan*. Disertasi Sarjana. Jabatan Al-Quran dan Al-Hadith, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya